

# SIARAN MEDIA

---

## WILAYAH PERSEKUTUAN NEGERI KEDUA WUJUD PERUNDANGAN DAN PROSEDUR JALANI SIASATAN AWAM SEBELUM WARTA KELUAR HUTAN SIMPAN KEKAL

---

Wilayah Persekutuan menjadi negeri kedua selepas Selangor yang mempunyai perundangan dan prosedur bagi menjalankan siasatan awam sebelum pewartaan keluar hutan simpan kekal (HSK) di Wilayah Persekutuan. Ia dilakukan menerusi penguatkuasaan Kaedah-kaedah Perhutanan Negara (Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2025.

Kaedah-kaedah ini memperincikan proses kerja di peringkat sebelum, semasa dan selepas siasatan awam dijalankan. Ia dilaksanakan serentak dengan penguatkuasaan Akta Perhutanan Negara (Pindaan) 2022 [Akta A1667] oleh Jabatan Perhutanan Wilayah Persekutuan (JPWP) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) telah menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa bagi Akta A1667 di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan pada 1 Februari 2025.

Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313] merupakan undang-undang berkaitan pentadbiran, pengurusan dan pemuliharaan hutan serta pembangunan perhutanan di Semenanjung Malaysia. Dalam usaha untuk menambah baik dan memantapkan pengurusan Hutan Simpan Kekal (HSK) serta penguatkuasaan hutan, pindaan kepada Akta ini telah dibuat bagi memperkasakan peruntukan-peruntukan yang berkaitan.

Secara keseluruhannya, Akta A1667 yang dikuatkuasakan oleh JPWP mengandungi 62 peruntukan yang melibatkan pindaan dan penambahbaikan meliputi perkara-perkara berikut:

- i. memperketatkan proses pewartaan keluar dan penggantian HSK dengan memperkenalkan keperluan siasatan awam sebelum sesuatu HSK diwarta keluar. Seterusnya, HSK yang diwarta keluar perlu diganti serentak dengan kawasan tanah yang sama luas atau lebih besar;
- ii. memantapkan penguatkuasaan hutan dengan memberikan kuasa kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) untuk melantik pegawai perhutanan Persekutuan untuk membantu PBN menjalankan penguatkuasaan di lapangan, serta memberi kuasa kepada pegawai hutan untuk membuat pemeriksaan ke atas orang yang disyaki dan mengadakan sekatan jalan ke atas pengangkut yang disyaki melakukan kesalahan hutan;

iii. meningkatkan kadar denda dan hukuman ke atas kesalahan hutan iaitu denda maksimum bermula RM20,000 hingga RM5 juta berbanding peruntukan asal iaitu antara RM10,000 hingga RM500,000. Selain itu, hukuman penjara maksimum dinaikkan kepada tujuh tahun hingga 20 tahun; dan

iv. mengatasi isu kecaburan dan kuasa yang tidak jelas, antaranya mengenai pelucutahan deposit sekiranya berlaku pelanggaran lesen atau permit serta pemberian kuasa kepada PBN untuk mengenakan dan menerima fi bagi perkhidmatan hutan.

Bagi memantapkan pengurusan kawasan HSK di Wilayah Persekutuan, JPWP telah menerima kad kuasa untuk melaksanakan penguatkuasaan dan pemantauan seperti mana yang termaktub di bawah Seksyen 88 hingga Seksyen 92, Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313] iaitu:

- i. Kuasa menangkap, menyita dan menyiasat;
- ii. Menyita hasil hutan yang menjadi perkara kesalahan;
- iii. Menggeledah dengan waran;
- iv. Menggeledah tanpa waran; dan
- v. Kuasa untuk memberhenti dan menggeledah pengangkut.

Sementara itu, pada masa ini, keluasan keseluruhan HSK di Wilayah Persekutuan ialah 152.97 hektar yang merangkumi 84.689 hektar HSK di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan 68.281 hektar HSK terletak di Wilayah Persekutuan Labuan.

NRES melalui JPWP juga sedang berusaha untuk menambah keluasan kawasan HSK di Wilayah Persekutuan dengan mewartakan kawasan Bukit Dinding, Mukim Ulu Kelang, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur seluas 20.05 hektar. Melalui pewartaan ini, kawasan ini akan dapat dilindungi dan dikekalkan sebagai kawasan hijau selain boleh bertindak sebagai *green lung* bagi kawasan di sekitarnya.

Selaras dengan konsep MADANI, NRES melalui JPWP juga telah mempromosikan penggunaan Sistem Terimaan Elektronik Kerajaan Persekutuan (iPayment). Sistem iPayment adalah sistem terimaan elektronik bersepadu yang dibangunkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) untuk mengurus dan menyeragamkan pembayaran perkhidmatan Kerajaan. Sistem ini akan meningkatkan tatakelola kewangan dan mengelakkan ketirisan hasil, di samping membudayakan rakyat kepada pembayaran tanpa tunai. Pengguna boleh menggunakan kad debit, kad kredit, kad prabayar, perbankan internet, kod respons pantas (QR) dan e-dompet untuk proses pembayaran dalam talian yang lebih mesra pelanggan.

**KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)**  
**25 FEBRUARI 2025**

---

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)  
Tel. : 03-8000 8000 | Fax : 03-8889 4763